

Kerajaan dengar pandangan negeri rangka pembangunan untuk rakyat

Anwar tegaskan kerangka kemajuan negara mesti disesuaikan dengan keperluan sebenar

Oleh Mary Victoria Dass
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Kerajaan Persekutuan sedia mendengar pandangan serta teguran kerajaan negeri bagi memastikan kerangka pembangunan menepati kehendak dan keperluan rakyat, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, pendekatan itu diamalkan dalam setiap perancangan sebelum ia dilaksanakan di peringkat negeri.

Beliau yang juga Menteri Kewangan, berkata hubungan dan kerjasama itu menandakan perubahan besar dalam cara kerajaan merangka pembangunan negara yang kini tidak lagi bergantung kepada andaian Kerajaan Pusat semata-mata.

Katanya, kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan negeri membolehkan pelan pembangunan disesuaikan dengan realiti sebenar di negeri termasuk Johor, yang kini menjadi antara penyumbang terbesar ekonomi negara.

"Johor terus menunjukkan prestasi pelaburan yang membebankan dengan anggaran nilai pelaburan berpotensi melepasi RM100 bilion.

"Pencapaian ini membuktikan keyakinan pelabur asing dan tempatan terhadap kestabilan ekonomi negara serta hala tuju pembangunan yang lebih tersusun di bawah Kerajaan MADANI," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyempurnaan dan Pengoperasian Landasan Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru (PLBEGJB) di Stesen KTMB Kempas Baru, di sini semalam.

Majlis disempurnakan Pemangku Sultan Johor, Tunku Mahkota Ismail. Yang hadir sama, Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi dan Menteri Pengangkutan, Anthony Loke.

Perancangan bersepadu

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri menekankan kepentingan rangkaian pengangkutan moden termasuk projek pengangkutan elektrik baharu yang bakal menjadi pemangkin utama pertumbuhan ekonomi setempat.

Beliau berkata, pembangunan infrastruktur itu bukan sekadar projek rel tetapi turut memabitkan perancangan bersepadu merangkumi pusat ekonomi, kawasan komersial, gerai makanan, perumahan dan pelbagai kemudahan rakyat di kawasan sekitar stesen yang dibina.

Menurutnya, setiap stesen baharu akan dibangunkan secara strategik bagi mewujudkan kawasan pertumbuhan baharu sekali gus merencanakan aktiviti ekonomi dan meningkatkan peluang pekerjaan untuk penduduk setempat.

"Model pembangunan berasaskan pengangkutan atau *tran-*



Tunku Mahkota Ismail diiringi Anwar mendengar penerangan daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Seri Jana Santhiran Muniayan pada Majlis Penyempurnaan dan Pengoperasian Landasan Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru di Stesen KTMB Kempas Baru, semalam.

(Foto bernama)

sit-oriented development akan menjadi antara tunjang utama pembaharuan ekonomi negara dalam tempoh beberapa tahun akan datang," katanya.

Sementara itu Anwar berkata, kerjasama rapat Malaysia-Singapura menerusi penubuhan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) akan terus diperkukuh bagi menarik lebih banyak pelaburan bernilai tinggi pada masa depan.

Beliau berkata, hubungan ekonomi kedua-dua negara kini berada pada tahap terbaik dan Johor bakal menerima limpahan pelaburan besar terutama dalam sektor teknologi, logistik, pembuatan pintar dan tenaga baharu.



Orang ramai teruja menggunakan perkhidmatan tren elektrik (ETS) Kuala Lumpur-Kempas Baru di Stesen Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)